

TARIKH	28 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	3	RUANGAN	Dlm Negeri

## Salur sebahagian pendapatan bawa imam, ketua kampung ke Mekah **Kekayaan bagi tujuan mulia**

oleh **HASHNAN ABDULLAH** dan  
**SHARAIMEI SHAIK AHMEDULLAH**

pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 27 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyerahkan surat tawaran menunaikan fardu haji kepada 200 imam dan 200 pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di bawah program khas haji tajaan Yayasan IMalaysia Development Bhd. (IMDB).

Ini merupakan kumpulan kedua selepas kumpulan pertama seramai 111 imam dan pengerusi JKKK menerima tajaan itu pada 19 September tahun lalu.

Kesemua jemaah haji berkenaan dijadual berlepas ke Madinah dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 22 September ini dan akan berada Tanah Suci selama 47 hari.

Najib dalam ucapannya pada majlis penyerahan surat tawaran itu berkata, adalah wajar untuk kerajaan menggunakan sebahagian daripada sumber pendapatan dan kekayaan yang dijana oleh kepimpinan hari ini bagi tujuan mulia.

Perdana Menteri berkata, tidak ada tujuan yang lebih baik, selain daripada kerajaan dapat menghulurkan bantuan kepada para imam dan ketua kampung seluruh negara untuk menunaikan haji.

"Berdasarkan kepada kesan yang saya sendiri saksikan ketika

menunaikan haji pada musim lalu, betapa besarnya impak program itu kepada 111 orang imam dan ketua kampung yang terpilih.

"Maka pada musim haji kali ini, saya berniat kalau ada rezeki, kita akan lonjakkan lagi jumlahnya daripada 111 kepada 400

orang lagi untuk dimasukkan dalam program itu," katanya.

Najib berkata, usaha tersebut bertepatan dengan landasan dan prinsip Maqasid Syariah yang diperjuangkan oleh kerajaan sekarang.

Beliau berkata, ini sejajar dengan matlamat supaya agama Islam di negara ini dilihat sempurna dari segi ketinggian, kemuliaan, tauhid, akhlak dan pentadbiran.

"Kalau kita lihat apa yang dilakukan oleh kerajaan selama ini, itulah sebenarnya landasan dan

prinsip yang kita pegang dan contohnya, dalam rukun Islam kelima, kita pastikan pentadbiran urusan haji adalah terbaik di dunia kerana kita berpegang kepada prinsip yang saya sebutkan tadi," katanya.

Perdana Menteri turut memuji kemampuan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menguruskan jemaah dari negara ini dengan cemerlang sehingga mampu

menjana keuntungan yang baik setiap tahun.

Beliau berkata, keuntungan itu bukan untuk membayar dividen

kepada pelabur semata-mata tetapi Tabung Haji telah melakukan tugas melebihi tanggungjawab sepatutnya dengan memberi setiap jemaah haji subsidi hampir RM5,000 seorang.

"Berbanding dengan negara lain, inilah bayaran yang paling rendah melainkan mereka yang pergi secara musafir sehelai sepinggang," katanya.

Menerusi program kali ini, Tabung Haji menyediakan subsidi sebanyak RM2 juta manakala IMDB pula menyumbang sebanyak RM4 juta.

"Inilah yang dikatakan Islah dalam Islam. Islah adalah roh kepada agenda transformasi negara yang sedang diperjuangkan oleh kerajaan sekarang.

"Lagi cepat kita lakukan proses transformasi Islah itu, maka lebih berjaya agenda tersebut dan juga lebih besar rahmat dan nikmatnya," ujar beliau.

Beliau turut menyeru jemaah haji yang terpilih dalam program itu agar memanjatkan doa untuk negara, umat Islam serta rakyat Malaysia yang lain semasa mengerjakan haji di Tanah Suci.